

Motivasi Penontonan Filem di Netflix dalam Kalangan Rakyat Malaysia Semasa Pandamik Covid-19

Malaysians' Motivation to Watch Movies on Netflix During The Covid-19 Pandemic

Nursajidah Yusof^{1*}, Mohd Syuhaidi Abu Bakar¹

¹Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Puncak Alam, Selangor, Malaysia

*syuhaidi@uitm.edu.my

Received Date: 1 February 2022

Accepted Date: 9 May 2022

Published Date: 3 June 2022

ABSTRAK

Menurut kajian terkini, Netflix telah menjadi platform penontonan pilihan bagi orang ramai sepanjang pandemik COVID-19. Kajian ini dijalankan untuk meneroka motivasi penontonan filem di Netflix dalam kalangan rakyat Malaysia semasa pandemik COVID-19. Kaedah kualitatif telah digunakan untuk meneroka motivasi yang telah mendorong rakyat Malaysia menonton filem di Netflix. Pemilihan informan pula adalah menggunakan teknik persampelan bertujuan (purposive sampling) di mana kajian ini telah menemui bual sebanyak 10 orang informan yang telah melanggan Netflix. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat beberapa perkara yang memotivasikan rakyat Malaysia untuk menonton filem di Netflix semasa pandemik COVID-19 ini, iaitu dari segi masa, umur dan perkembangan teknologi. Dari segi masa, rakyat Malaysia menonton Netflix untuk mengurangkan kebosanan, ada pilihan dalam pengurusan masa, mengisi masa lapang, boleh menonton dalam mengikut masa kelapangan, mengurangkan tekanan, dan keselesaan dalam memilih jadual penontonan. Kemudian, dari segi umur, seseorang itu bermotivasi untuk menonton Netflix disebabkan oleh faktor kebebasan penontonan tanpa had dan faktor pilihan peringkat umur dalam penontonannya. Dari segi perkembangan teknologi pula, seseorang bermotivasi untuk menonton Netflix kerana penggunaan teknologi canggih, mudah di akses, menjimatkan masa, menjimatkan kos, adanya produk filem berkaitan teknologi, dan kemudahan internet yang dimiliki. Dapatan kajian juga mendapati terdapat motivasi lain untuk menonton filem di Netflix semasa pandemik COVID-19, iaitu dari segi pengaruh rakan, media sosial, fizikal dan mental, mengurangkan tekanan, mesra pengguna, pengiklanan, minat, dan kualiti filem dan jalan penceritaan. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan untuk kajian masa depan mengenai Netflix.

Kata kunci: filem; Netflix; motivasi; masa; umur; perkembangan teknologi

ABSTRACT

According to a recent study, Netflix was the movie-watching platform of choice for the public throughout the COVID-19 pandemic. This study was conducted to explore the motivation of watching movies on Netflix among Malaysians during the COVID-19 pandemic. A qualitative method was used to explore the motivations that motivated Malaysians to watch movies on Netflix. The informants were selected using the purposive sampling technique in which this study interviewed 10 informants who have subscribed to Netflix. The findings of the study revealed that

there are several things that motivate Malaysians to watch movies in Netflix during the COVID-19 pandemic, i.e. in terms of time, age, and technological development. In terms of time, Malaysians watch Netflix to reduce boredom, due to options in time management, to fill free time, can watch according to their free time, can reduce stress and the comfort in choosing a viewing schedule. In terms of age, a person is motivated to watch Netflix due to several factors such as unlimited viewing options, and age choice. In terms of technological development, a person is motivated to watch Netflix due to the use of advanced technologies, easy access, saving time, saving costs, the availability of technology-related movie products, and the internet facilities they have. The results of the study also showed that during the COVID-19 pandemic, there were other motivations for watching movies on Netflix, namely in terms of peer influence, social media, physical and mental, stress reduction, user-friendliness, and advertising, interest, and film quality and storytelling. Therefore, this study is expected to serve as a reference for future studies on Netflix.

Keywords: film; Netflix; motivation; time; age; technology development

PENGENALAN, PENYATAAN MASALAH DAN OBJEKTIF KAJIAN

Secara umum, motivasi boleh disebut sebagai suatu perkara atau sifat yang sebenarnya ada dalam diri seseorang individu. Namun, secara formal atau akademiknya, motivasi sebenarnya didefinisikan sebagai sebuah proses yang menjelaskan tentang kekuatan, arah dan juga ketekunan seseorang dalam upaya untuk mencapai suatu tujuan. Sifat motivasi yang terdapat di dalam diri seseorang sebenarnya turut bertujuan untuk memotivasikan diri mereka.

Motivasi turut dibahagikan kepada empat teori utama iaitu Teori Motivasi Hiraiki Keperluan Maslow, Teori Motivasi dan Higiene atau Teori Dua Faktor Herzberg, Teori XY Mc Gregor dan juga Teori Motivasi McClelland. Menurut Maslow, seseorang yang termotivasi kerana keperluan yang tidak terpenuhi berdasarkan kadar kepentingannya dari urutan yang paling rendah hingga ke yang paling tinggi (Tri Andjarwati, 2015).

Selanjutnya, apabila berbicara tentang Netflix pula, pasti ramai yang sudah tahu tentang kewujudan aplikasi penontonan filem dan drama secara atas talian ini. Netflix telah ditubuhkan pada bulan Ogos tahun 1997 oleh dua orang usahawan berjaya yang berasal daripada Amerika Syarikat. Pada awal kemunculannya, Netflix hanya membenarkan pelanggannya untuk menyewa Digital Video Disc (DVD) sahaja secara dalam talian. Para pelanggan yang melanggan filem melalui laman web Netflix akan dihantar DVD kepadanya (Patriots, 2020). Namun, pada tahun 2007, Netflix telah menawarkan penontonan filem mahupun drama secara atas talian iaitu melalui internet. Alternatif ini sebenarnya diperolehi oleh sekumpulan individu yang menamakan kumpulan mereka sebagai Bellkor's Pragmatic Chaos. Apa yang ditawarkan oleh Netflix kepada para pelanggannya kini sememangnya sangat berguna dan mudah tambahan pula penonton banyak menghabiskan masa di rumah pada hari ini kerana wabak virus COVID-19 yang melanda dunia bermula tahun 2020. Di Malaysia, penggunaan Netflix telah dilancarkan pada awal tahun 2016. Menurut Muhammad Fikrie (2021), jumlah langganan Netflix di seluruh dunia telah mencecah lebih dari 200 juta orang pelanggan sehingga Januari 2021. Syarikat penstriman tempatan iaitu iFlix telah memiliki lebih dari 17 juta orang pelanggan pada tahun 2019.

Penontonan filem di Netflix telah dipengaruhi oleh beberapa motivasi yang berbeza bergantung kepada seseorang individu atau audien itu sendiri. Di sini jelas terlihat bahawa baik atau buruk sesebuah karya itu sebenarnya bergantung kepada persepsi penonton itu sendiri (Zaidi Mohamad, 2021). Contohnya, ketika negara dilanda virus COVID-19, penonton Netflix di Malaysia telah mencatat kadar pertumbuhan tertinggi kerana orang ramai banyak menghabiskan masa mereka di rumah untuk mengelakkan jangkitan virus tersebut dan perkara ini menyebabkan Netflix telah mencapai kenaikan sebanyak 195 peratus dalam lalu lintas dari tahun ke tahun bermula pada tahun 2020 (Ida Lim, 2020).

Di Malaysia, kekerapan seseorang itu berada di rumah pada saat itu adalah disebabkan oleh tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Kemudian, fasa umur seperti remaja merupakan fasa yang menjadi pilihan untuk mereka melanggan dan

menonton sesebuah filem melalui Netflix kerana remaja sememangnya mempunyai motif dan keperluan tersendiri dalam menonton (A. Adelia Hardianti et al., 2021). Hal ini demikian kerana, remaja merupakan golongan yang suka menghabiskan masa mereka untuk menonton filem, ditambah pula dengan banyaknya filem berkaitan remaja sekolah yang disiarkan di Netflix. Perkembangan teknologi baharu seperti penstriman over-the-top (OTT) telah memberikan banyak perubahan terhadap sistem perfileman serta penontonan file secara atas talian (Azharul Azmir, 2020). Kajian ini dijalankan untuk meneroka motivasi penontonan filem di Netflix dalam kalangan rakyat Malaysia semasa pandemik COVID-19.

TINJAUAN LITERATUR

Motivasi penontonan Netflix yang dipengaruhi oleh masa

Motivasi penontonan Netflix juga telah dipengaruhi oleh faktor masa. Ianya terjadi apabila seseorang itu telah menghabiskan masa mereka di rumah untuk menonton sesebuah filem secara atas talian seperti Netflix yang semakin berkembang pada masa kini. Perkara ini semestinya telah menjadi pilihan bagi mereka untuk menontonnya secara terus daripada rumah (Rigby et al., 2018). Hal ini demikian kerana, mereka dapat menontonnya secara bersendirian tanpa perlu mereka menghabiskan masa mereka untuk keluar ke pawagam. Maka, masa mereka di rumah itu akan terisi dengan penontonan filem-filem di secara penstriman atas talian.

Seterusnya, hanya dengan berbekalkan bekalan internet, seluruh penonton atau audien akan dapat menonton filem-filem kegemaran mereka. Video On Demand telah membuatkan penonton dapat mengakses filem seperti melalui Netflix pada bila-bila masa dan tanpa perlu mengikut jadual (Rahmadi Prabowo, 2019). Perkara ini sedikit sebanyak telah berjaya menjimatkan masa para penonton dan audien kerana mereka tidak lagi perlu menunggu tayangan drama ataupun filem mengikut jadual seperti di televisyen kerana mereka boleh menontonnya melalui Netflix dan penstriman atas talian pada bila-bila masa yang mereka inginkan.

Motivasi penontonan Netflix yang dipengaruhi oleh umur

Umur merupakan titik yang mendorong seseorang terhadap motivasi mereka dalam menonton sesebuah filem secara atas talian seperti melalui Netflix. Menurut kajian daripada A. Adelia Hardianti et al. (2021), remaja juga merupakan golongan yang mampu menghabiskan masa mereka sekitar dua jam untuk menonton sesebuah filem atau siri di Netflix kerana tidak mahu ketinggalan episod dan babak-babak menarik di dalam setiap tontonan mereka itu. Maka, remaja lebih terdorong dalam membuat keputusan dalam penontonan filem secara atas talian disebabkan oleh itu merupakan fasa mereka untuk mula membuat keputusan sendiri.

Seterusnya, menurut Ubong Iman (2015), golongan yang berumur 30 tahun dan ke bawah telah tergolong di dalam golongan yang tegar dan sangat tegar dalam penontonan filem. Golongan ini lebih tegar dalam penontonan filem jika dibandingkan dengan golongan yang berumur 31 tahun dan ke atas. Di sini terlihat bahawa umur sememangnya memainkan peranan dalam memotivasikan seseorang untuk menonton sesebuah filem mahupun drama.

Motivasi penontonan Netflix yang dipengaruhi oleh perkembangan teknologi

Menurut kajian daripada Steffiani Reisa dan Irwansyah Irwansyah (2020), kemajuan dalam dunia teknologi pada masa kini telah menjadi pendorong terhadap perubahan selera penontonan bagi seseorang individu itu. Perubahan terhadap motivasi penontonan daripada televisyen ke Netflix telah berlaku apabila seseorang itu dipengaruhi oleh perubahan zaman yang membuatkan mereka akan menonton filem mahupun drama yang sama di dalam televisyen melalui Netflix. Jelaslah, perubahan gaya hidup telah mendorong kepada motivasi penonton bagi seseorang. Seterusnya, perkembangan bidang teknologi juga telah menyebabkan berlakunya perubahan gaya hidup sehingga ianya telah menyumbang kepada perkembangan sistem perfileman di Malaysia dan juga dunia. Walau bagaimanapun, perkembangan ini telah menyebabkan penontonan secara atas talian

dan juga televisyen prabayar seperti ASTRO telah meningkat (Ubong Iman, 2015). Selain itu, Information and Communication Technology (ICT) juga merupakan salah satu perkembangan yang menjadi motivasi terhadap penontonan filem atas talian pada masa kini. Perkembangannya yang berterusan telah menyebabkan berlakunya perubahan gaya hidup serta pertumbuhan terhadap perkhidmatan penstriman seperti Netflix (Fernández-Robin et al., 2019).

KEADAH KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan menggunakan kaedah temubual. Seramai 10 orang informan telah ditemubual bagi menyelesaikan kajian ini. Kaedah kajian kualitatif ini merupakan sebuah penyelidikan yang mempunyai bentuk data tersendiri dan ianya berbeza dengan penyelidikan secara kuantitatif (Kamarul Azmi, 2012). Kemudian, data-data yang diperolehi itu telah dianalisa secara verbatim. Kajian daripada Creswell (1998) telah mengesyorkan sebanyak 10 orang informan untuk sesuatu kajian berbentuk temubual. Akan tetapi, pada akhirnya bilangan informan yang diperlukan itu sebenarnya harus bergantung kepada saat ketepuan yang dicapai. Maka, kutipan data akan terhenti apabila semua informan telah memberikan maklumat yang sama dan ketepuan data telah dicapai. Menurut Kamarul Azmi (2012), ketepuan data ini bermaksud informan terakhir telah mengulangi informasi yang diberikan oleh informan yang terdahulu. Untuk kajian ini, informan adalah dipilih berdasarkan persampelan bertujuan (purposive sampling). Persampelan bertujuan bermaksud sampel daripada satu populasi yang dipilih untuk tujuan kajian. Melalui persampelan bertujuan ini, kajian ini telah memilih informan mengikut pertimbangan yang paling sesuai dan tepat (Juhazren & Nuraina, 2010).

DAPATAN KAJIAN

Motivasi penontonan filem di Netflix dalam kalangan rakyat Malaysia yang dipengaruhi oleh umur

Faktor pilihan peringkat umur

Menurut Informan 1, beliau bersetuju umur memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Hal ini demikian kerana, peringkat umur seperti remaja dan dewasa merupakan peringkat fasa melepaskan tekanan dengan menonton Netflix setelah seharian letih menyiapkan tugas dan juga bekerja. Informan 6 juga berpendapat sama dengan Informan 1 iaitu semakin meningkat umur seperti dewasa, sebuah hiburan sangat diperlukan sehingga beliau mengatakan bahawa setiap kali beliau menginginkan sebuah hiburan, beliau akan mencari aplikasi Netflix untuk menonton filem. Menurut Informan 2 pula, umur tidak memotivasikan beliau untuk menonton Netflix disebabkan oleh beliau merasakan bahawa umur sekitar 20-an seperti dirinya lebih elok sekiranya melakukan aktiviti yang lebih berfaedah. Sebagai contoh, mencari pendapatan sampingan terutamanya ketika musim pandemik COVID-19 ini. Informan 5 juga bersetuju dengan Informan 2 di mana umur tidak memotivasikan beliau untuk menonton Netflix kerana baginya, Netflix boleh ditonton untuk semua peringkat umur. Tambahan pula, ketika pandemik COVID-19 ini, Netflix boleh ditonton bersama-sama keluarga.

Faktor kebebasan penontonan tanpa had

Menurut Informan 7, beliau tidak bersetuju bahawa umur memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Hal ini demikian kerana, beliau berpendapat bahawa umur tidak menghadkan seseorang penonton itu untuk menonton Netflix. Manakala, Informan 9 pula berpendapat bahawa umur sememangnya memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Perkara ini disebabkan oleh Netflix mempunyai had penontonan mengikut umur untuk setiap genre filem seperti genre aksi yang lebih sesuai untuk tontonan golongan dewasa. Informan 10 juga berpendapat bahawa umur sememangnya memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Hal ini demikian kerana, apabila beliau ingin menonton Netflix bersama anaknya, beliau akan menukar aplikasi Netflix itu kepada

tontonan kanak-kanak memandangkan Netflix sebenarnya mempunyai had penontonan yang berbeza dan bukan hanya untuk golongan dewasa semata-mata.

Motivasi penontonan filem di Netflix dalam kalangan rakyat Malaysia yang dipengaruhi oleh masa

Mengurangkan kebosanan

Menurut Informan 1, beliau bersetuju bahawa masa memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Hal ini demikian kerana, beliau suka menghabiskan masa untuk menonton filem setelah bosan menonton media sosial lain seperti Instagram dan TikTok. Beliau juga berkata bahawa setiap kali merasa bosan beliau akan berkurung di dalam bilik dan menonton filem dengan genre-genre yang beliau minati dan juga yang sedang viral.

Pilihan dalam pengurusan masa

Informan 2 berpendapat bahawa masa sememangnya memotivasikan beliau untuk menonton filem di Netflix. Beliau berkata beliau kurang menghabiskan masa di media sosial seperti Twitter, Facebook dan Instagram dan akan menonton Netflix untuk mengisi masa lapang. Beliau juga merasakan bahawa perkara itu membuatkan beliau menjadi semakin matang dalam pengurusan masa hariannya.

Mengisi masa lapang

Menurut Informan 3, masa sememangnya telah memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Hal ini demikian kerana, beliau mengisi masa lapangnya dengan menonton Netflix memandangkan negara sedang dilanda pandemik COVID-19 pada masa kini. Informan 5 juga bersependapat dengan informan 3 di mana masa telah memotivasikan beliau untuk menonton Netflix disebabkan oleh masa lapang yang banyak dihabiskan di rumah disebabkan oleh PKP.

Boleh menonton mengikut masa kelapangan

Menurut Informan 4, masa memotivasikan beliau untuk menonton Netflix kerana beliau mempunyai masa yang terhad untuk menonton televisyen disebabkan oleh statusnya sebagai seorang pelajar. Jadi, beliau telah menjadikan Netflix sebagai pengganti televisyen yang boleh ditonton pada bila-bila masa sahaja. Menurut Informan 10 pula, beliau mempunyai masa yang agak terbatas disebabkan oleh kesibukan bekerja. Oleh itu, beliau berkata bahawa masa sememangnya memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Hal ini demikian kerana, dengan aplikasi Netflix ini, biarpun beliau mempunyai masa yang terbatas untuk menonton sesebuah filem di televisyen, namun beliau masih boleh menonton Netflix.

Mengurangkan tekanan

Menurut Informan 6, masa sememangnya telah memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Hal ini disebabkan oleh dengan menonton Netflix di masa terluang, ianya dapat mengurangkan tekanan ke atas dirinya. Informan 9 juga berpendapat sama dengan Informan 6. Beliau berkata, dengan menonton Netflix, segala tekanan kerjanya telah hilang ketika menonton filem-filem yang ada di Netflix. Katanya lagi, Netflix juga merupakan salah satu terapi buat dirinya.

Keselesaan dalam memilih jadual penontonan

Informan 7 berpendapat bahawa masa sememangnya telah memotivasikan beliau dalam penontonan filem di Netflix. Hal ini demikian kerana, Netflix tidak mempunyai jadual tertentu untuk menonton sesebuah filem. Maka, sebagai seorang pelanggan, beliau boleh melanggannya pada

bila-bila masa sahaja. Informan 8 juga berpendapat sama dengan Informan 7 di mana, masa turut memotivasikan beliau untuk menonton Netflix disebabkan oleh kebanyakan filem di Netflix tidak mempunyai sistem penjadualan untuk menonton. Beliau berkata bahawa dengan tiadanya jadual penontonan ini, beliau boleh merancang waktu penontonannya tanpa perlu menunggu jadual tayangan seperti di televisyen.

Motivasi penontonan filem di Netflix dalam kalangan rakyat Malaysia yang dipengaruhi oleh perkembangan teknologi

Penggunaan teknologi canggih

Menurut Informan 1, perkembangan teknologi telah memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Ia juga disebabkan terdapat banyak filem dan drama di Netflix yang mempunyai latar belakang yang berbeza serta penggunaan teknologi yang canggih. Contohnya, filem yang bergenre thriller atau aksi terutamanya filem Barat dan Korea yang banyak menggunakan teknologi serta alatan moden di dalam filem mereka. Informan 10 juga merasakan perkara yang sama dengan Informan 1. Beliau berkata, perkembangan teknologi telah memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Hal ini demikian kerana, sebelum beliau menonton sesebuah filem di Netflix, beliau akan menonton terlebih dahulu tayangan di sebalik tabir untuk melihat proses penggambaran sesebuah filem itu. Terdapat banyak filem terutamanya filem Barat yang menggunakan teknologi serba canggih dalam pembuatan filem mereka. Perkara itu telah mendorong dan memotivasikan beliau untuk terus menonton Netflix.

Mudah diakses

Menurut Informan 2 pula, perkembangan teknologi memotivasikan beliau untuk menonton Netflix kerana pada zaman sekarang, Netflix boleh ditonton di mana-mana sahaja dengan adanya teknologi serba canggih ini. Beliau berkata, dengan perkembangan teknologi ini beliau boleh menonton Netflix ketika berada di dalam tempoh kuarantin. Informan 4 juga berpendapat sama seperti Informan 2. Beliau berpendapat bahawa Netflix mudah diaplikasikan di gajet dan tidak lagi perlu menunggu tayangan di televisyen. Beliau hanya perlu memuat turun aplikasi Netflix dan menontonnya. Menurut Informan 8, beliau juga merasakan bahawa Netflix mudah untuk diakses iaitu beliau boleh menontonnya melalui telefon pintar, televisyen dan lain-lain peranti pada bila-bila masa sahaja.

Menjimatkan masa

Menurut Informan 3, perkembangan teknologi sememangnya telah memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Hal ini demikian kerana, beliau tidak lagi perlu ke pusat membeli belah untuk menonton sesebuah filem itu, ditambah pula dengan keadaan sekarang yang perlu menjaga Standard Operating Procedure (SOP). Beliau berkata, menonton filem di Netflix sebenarnya telah menimbulkan rasa seperti menonton di mini wayang. Informan 9 juga berpendapat sama dengan Informan 3. Beliau berkata dengan perkembangan teknologi yang serba canggih ini, beliau tidak lagi perlu menghabiskan masanya di panggung wayang

Menjimatkan kos

Informan 5 berpendapat bahawa perkembangan teknologi telah memotivasikan beliau untuk menonton Netflix disebabkan oleh beliau tidak lagi perlu ke panggung wayang. Beliau berkata, jika dulu orang ramai perlu pergi ke panggung wayang dan beratur untuk menonton sesebuah filem, namun kini mereka boleh terus menontonnya di Netflix. Beliau menerangkan bahawa perkara itu sebenarnya telah menjimatkan kos seperti kos pengangkutan kerana beliau boleh menonton filem melalui telefon bimbit sahaja tanpa perlu ke panggung wayang lagi.

Adanya produk filem berkaitan teknologi

Menurut Informan 6, perkembangan teknologi telah memotivasikan beliau untuk menonton Netflix disebabkan oleh beliau mendapat banyak info berkaitan teknologi di dalam filem tayangan Netflix. Perkara itu telah membuatkan beliau mendapat input ilmu melalui Netflix itu sendiri. Informan 7 juga berpendapat bahawa perkembangan teknologi turut memotivasikan beliau disebabkan oleh tayangan berkaitan teknologi semasa daripada Netflix. Kata beliau, tayangan berkaitan teknologi semasa itu telah memberikan inspirasi terutamanya kepada golongan muda seperti beliau.

Kemudahan internet yang dimiliki

Menurut Informan 8, beliau berkata bahawa perkembangan teknologi sememangnya telah memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Hal ini demikian kerana, kemudahan internet yang ada pada masa kini telah memudahkan beliau untuk menonton dan juga melanggan Netflix hanya melalui telefon pintarnya sahaja.

Faktor sosial penontonan filem di Netflix dalam kalangan rakyat Malaysia semasa pandemik COVID-19

Pengaruh Rakan

Menurut Informan 1, rakan-rakan merupakan individu yang telah memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Informan 3 juga berpendapat sama seperti Informan 1 iaitu rakan telah mempengaruhinya untuk menonton Netflix. Hal ini demikian kerana, menurut Informan 3 beliau merupakan seorang pelajar yang selalu tertekan dengan hal berkaitan pembelajarannya, maka rakan-rakannya telah mencadangkan beliau untuk menonton Netflix bagi menghilangkan tekanan.

Media Sosial

Selain daripada pengaruh rakan, media sosial juga telah mempengaruhi Informan 1 untuk menonton Netflix. Hal ini demikian kerana, media sosial telah banyak memaparkan senarai filem yang menarik untuk tontonan beliau bersama-sama rakan dan ahli keluarganya.

Fizikal dan Mental

Menurut Informan 1 lagi, keadaan fizikal dan mental juga telah mempengaruhinya untuk menonton Netflix. Hal ini demikian kerana, emosinya akan terikut sama dengan setiap genre filem yang beliau tonton. Sebagai contohnya, apabila beliau menonton filum sedih, beliau akan terikut emosi sedih tersebut.

Faktor lain penontonan filem di Netflix dalam kalangan rakyat Malaysia semasa pandemik COVID-19

Mengurangkan Tekanan

Menurut Informan 2, perkara lain yang telah memotivasikan beliau untuk menonton Netflix adalah keperluan untuk mengurangkan tekanan. Beliau berkata, dengan menonton Netflix segala tekanan yang beliau alami akan dapat dilupakan setelah beliau menonton Netflix.

Mesra Pengguna

Menurut Informan 4, mesra pengguna merupakan motivasi lain yang telah memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Hal ini demikian kerana, ciri-ciri Netflix adalah mudah dan senang difahami. Contohnya, apabila beliau menaip apa sahaja kata kunci di Netflix, ianya akan terus mencadangkan pelbagai judul filem dan drama.

Pengiklanan

Informan 5-pula berpendapat bahawa pengiklanan merupakan sebuah motivasi yang telah memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Hal ini demikian kerana, sebelum beliau menonton sesebuah filem itu beliau akan menonton iklan promosi atau trailer berkaitan filem itu terlebih dahulu. Jika beliau mendapati ianya menarik, barulah beliau akan terus menontonnya di Netflix. Menurut Informan 10 pula, pengiklanan juga telah memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Hal ini demikian kerana, beliau sering melihat iklan-iklan filem yang bakal ditayangkan di Netflix akan diiklankan terlebih dahulu di televisyen. Oleh itu, melalui pengiklanan itulah yang telah membawa beliau untuk menonton di Netflix.

Minat

Menurut Informan 6, minat merupakan motivasi yang benar-benar telah memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Hal ini demikian kerana, beliau merupakan seseorang yang sangat meminati filem dan drama. Informan 9 juga berpendapat sama dengan Informan 6 iaitu minat telah memotivasikan beliau untuk menonton filem di Netflix. Hal ini demikian kerana, beliau merupakan seorang pencinta filem dari Korea dan Thailand serta kedua-dua filem tersebut sememangnya banyak disiarkan di Netflix.

Kualiti Filem dan Jalan Penceritaan

Menurut Informan 7, kualiti filem dari segi jalan penceritaan yang menarik telah memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Hal ini demikian kerana, ianya tidak akan membosankan beliau untuk menontonnya pada masa-masa tertentu. Menurut Informan 8, jalan penceritaan yang menarik telah memotivasikan beliau untuk menonton Netflix. Katanya, Netflix merupakan sebuah aplikasi penontonan filem atau drama yang kebanyakannya memaparkan filem dengan jalan penceritaan yang menarik.

KESIMPULAN

Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat beberapa perkara yang memotivasikan rakyat Malaysia untuk menonton filem di Netflix semasa pandemik COVID-19 ini, iaitu dari segi masa, umur dan perkembangan teknologi. Dari segi masa, rakyat Malaysia menonton Netflix untuk mengurangkan kebosanan, ada pilihan dalam pengurusan masa, mengisi masa lapang, boleh menonton dalam mengikut masa kelapangan, mengurangkan tekanan, dan penyelesaian dalam memilih jadual penontonan.

Kemudian, dari segi umur, seseorang itu bermotivasi untuk menonton Netflix disebabkan oleh faktor kebebasan penontonan tanpa had dan faktor pilihan peringkat umur. Dari segi perkembangan teknologi pula, seseorang bermotivasi untuk menonton Netflix kerana penggunaan teknologi canggih, mudah diakses, menjimatkan masa, menjimatkan kos, adanya produk filem berkaitan teknologi, dan kemudahan internet yang dimiliki. Dapatan kajian juga mendapati terdapat motivasi lain untuk menonton filem di Netflix semasa pandemik COVID-19, iaitu dari segi pengaruh rakan, media sosial, fizikal dan mental, mengurangkan tekanan, mesra pengguna, pengiklanan, minat, dan kualiti filem dan jalan penceritaan.

Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan untuk kajian masa depan mengenai Netflix. Kajian ini juga adalah sebagai nilai tambah kepada kajian-kajian yang lain, contohnya kajian daripada Asma Md. Isa, Wan Amizah Wan Mahmud, Wan Idros Wan Sulaiman dan Muhammad Adnan Pitchan (2019) yang mewakili dilemma yang dihadapi oleh khalayak Malaysia mengenai isu Netflix kandungan melalui penstriman Internet. Menurut mereka, Malaysia mempunyai pelbagai undang-undang yang mengawal fungsi media dalam bidang percetakan, penyiaran dan telekomunikasi. Dapatan kajian daripada Md. Zahidul Islam, Khairil Azmin Bin Mokhtar, Nor Hafizah Bt Mohd Badrol Afandi dan Rabeya Anzum (2021) pula mendedahkan bahawa kandungan perkhidmatan penyiaran dalam talian tidak kerap melanggar undang-undang dan peraturan

Malaysia yang berkaitan. Tetapi adalah disyorkan bahawa perkhidmatan penyiaran dalam talian dan kandungannya hendaklah tertakluk kepada rangka kerja undang-undang khas dengan menggubal undang-undang baharu dan memperkenalkan undang-undang khas badan kawal selia. Maka dapat disimpulkan bahawa isu Netflix di Malaysia akan terus mendapat perhatian di masa hadapan.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak menerima geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial atau sektor tidak berasaskan keuntungan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis bersetuju bahawa penyelidikan ini dijalankan tanpa adanya sebarang faedah diri, konflik komersial atau kewangan dan mengisytiharkan ketiadaan kepentingan bercanggah dengan pembiayaan.

RUJUKAN

- A. Adelia Hardianti, M., Wahyu, B. N., & Gede, K. (2021). Personalisasi Media Netflix Dalam Kehidupan Remaja Kota Makassar. *JURNAL ILMIAH SOSIOLOGI (SOROT)*.
- Asma. M. A., Wan Amizah, W. M., Wan Idros, W. S. and Muhammad Adnan, P. (2019). Netflix and dilemma of content regulation in Malaysia. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 28(16), 460-468.
- Azharul Azmir, K. (2020, July 26). *Kebebasan media perlu seiring perkasa kedaulatan negara*. BeritaHarian. Dipetik Oktober 16, 2021, daripada <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/07/714850/kebebasan-media-perlu-seiring-perkasa-kedaulatan-negara>.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Sage.
- Fernández-Robin, C., McCoy, S., Yáñez, D., & Hernández-Sarpi, R. (2019, July). Netflix, Who Is Watching Now? In *International Conference on Human-Computer Interaction* (pp. 202-216). Springer, Cham.
- Ida Lim. (2020, April 1). *MCO: Malaysians stuck at home give Netflix, Tonton biggest traffic growth rates against competitors*. Dipetik daripada <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/01/mco-malaysians-stuck-at-home-give-netflix-tonton-biggest-traffic-growth-rat/1852432>
- Juhazren, J. & Nuraina, A.. (2010, December 16). *Kajian Sejauh Manakah Pelajar Tahun Empat fakulti Pendidikan Menggunakan Perkhidmatan E-Learning secara wireless di Sekitar Kampus UTM*. Dipetik Oktober 16, 2021, daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/11495/>.
- Kamarul Azmi, J. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Dipetik Oktober 16, 2021, daripada https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif.
- Md. Zahidul Islam, Khairil Azmin Bin Mokhtar, Nor Hafizah Bt Mohd Badrol Afandi, dan Rabeya Anzum. (2021). Regulating Online Broadcast Media against Offensive Materials in Malaysia. *Indian Journal of Science and Technology*, 14(15), 1233-1238.
- Muhammed Fikrie. (2021, January 25). *Jumlah Pengguna Netflix di seluruh Dunia tembus 203,6 juta*. Kumparan. Dipetik Januari 21, 2022, daripada <https://kumparan.com/kumparantech/jumlah-pengguna-netflix-di-seluruh-dunia-tembus-203-6-juta-1v2ewjEfiVH/full>
- Patriots, O. T. (2020, March 20). *Sejarah Netflix Yang Korang Tak Tahu*. ThePatriots. Dipetik daripada <https://www.thepatriots.asia/sejarah-netflix-yang-korang-tak-tahu/>.
- Rahmadi Prabowo. (2019). *SKRIPSI analisis LOYALITAS Pengguna layanan video on demand*. Dipetik September 29, 2021, dari <https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/47931/1/RAHMADI%20PRABOWO-FST.pdf>
- Rigby, J. M., Brumby, D. P., Gould, S. J., & Cox, A. L. (2018). "I Can Watch What I Want". In *Proceedings of the 018 ACM International Conference on Interactive Experiences for TV and Online Video*. <https://doi.org/10.1145/3210825.3210832>
- Steffiani Reisa & Irwansyah Irwansyah (2020). Fragmentation and Audience Activity on Video-on-Demand Platform: Netflix and the 'Binge-watching.' *Jurnal InterAct*, 9(2), 120–132. <https://doi.org/10.25170/interact.v9i2.2235>

- Tri Andjarwati. (2015). Motivasi dari Sudut Pandang Teori Hirarki Kebutuhan Maslow, Teori Dua Faktor Herzberg, Teori X Y Mc Gregor, dan Teori Motivasi Prestasi Mc Clelland. *JMM17: Jurnal Manajemen Indonesia*, 2(01). <https://doi.org/10.30996/jmm17.v2i01.422>
- Ubong Iman. (2015). Sifat dan motivasi penontonon filem dalam kalangan penonton filem di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo (Edisi Khas (Konvokesyen Ke-17 UMS) 2015)*. Dipetik daripada <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/jkob/article/view/163>.
- Zaidi Mohamad. (2021, Februari 8). 'Balik-balik cerita sama'. *Berita Harian*. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2021/02/784203/balik-balik-cerita-sama>